

## REFLEKSIF *DIRINYA*: SATU ANALISIS SINTAKSIS

DR. FAZAL MOHAMED B. MOHAMED SULTAN

### Abstrak

Artikel ini membahaskan FN *dirinya* yang dikenal pasti sebagai refleksif di dalam bahasa Melayu. Sebaliknya, refleksif *dirinya* pula akan mempunyai bacaan yang taksa apabila hadir di dalam ayat. Ini adalah disebabkan *dirinya* boleh mempunyai rujukan di dalam klausanya dan juga di luar klausanya. Akibatnya, refleksif ini tidak mematuhi Prinsip A. Namun demikian, sifat refleksif jenis ini sering dikenali sebagai refleksif berjarak jauh. Mashudi dan Solakhiah (1997) telah mengkaji bentuk *dirinya* dalam kerangka teoritis tatabahasa generatif. Mereka mendakwa bahawa bacaan yang taksa oleh refleksif *dirinya* adalah disebabkan oleh kehadiran fitur [+refleksif] dan [+pronominal] yang dijana oleh *dirinya* pada struktur-L (struktur lahir/permukaan). Walaupun kedua-dua ahli bahasa ini dapat membahaskan dengan baik bahawa bentuk *dirinya* mempunyai bacaan yang taksa kerana fiturnya yang berbeza tetapi mereka tidak menjelaskan bagaimana dua bacaan yang berbeza boleh beroperasi pada satu aras yang sama iaitu struktur-L pada masa yang sama. Cadangan yang membiarkan dua bacaan beroperasi pada masa yang sama ke atas *dirinya* tidak boleh mencapai kepada ekplanatori. Analisis ini juga tidak boleh menjelaskan ayat : *Saya<sub>i</sub> percaya bahawa Salim<sub>j</sub> telah menembak dirinya<sub>\*i/j/k</sub>*. atau *Salim<sub>j</sub> percaya bahawa saya<sub>i</sub> telah menembak dirinya<sub>\*i/j/k</sub>*. Oleh yang demikian, artikel ini akan mengisi kekurangan tersebut. Analisis ini mendakwa dan membahaskan bahawa bacaan yang taksa adalah disebabkan oleh fitur seperti [+3] dan [+pronominal] pada enklitik ‘-nya’ dan fitur [+refleksif] pada bentuk *diri* yang beroperasi pada aras sintaksis yang berbeza. Ini bermakna bacaan yang taksa pada *dirinya* dalam ayat adalah kerana pada struktur-D penutur sudah mempunyai intuisi mengenai bacaan pronominal dan bacaan itu tetap ada sehingga pada struktur-L. Pada struktur-L, penutur turut mendapat bacaan refleksif pula. Kehadiran dua bacaan pada aras yang berbeza menyebabkan *dirinya* telah mempunyai bacaan yang taksa. Analisis ini akan dibahaskan dengan menggunakan Teori Tambatan yang mengawal penyebaran FN dalam suatu ayat.

*Kata Kunci:* refleksif, sintaksis, teori tambatan, *dirinya*, *dirinya sendiri*, pronominal, fitur

## REFLEXIVE *DIRINYA*: A SYNTACTIC ANALYSIS

DR. FAZAL MOHAMED B. MOHAMED SULTAN

### ABSTRACT

This article discusses noun phrase (NP) *dirinya* which is known as reflexive in Malay language. However, this reflexive has an ambiguous reading in a sentence. This is because the NP *dirinya* can have a reference in a clause as well as outside a clause in the same sentence. As a result, this reflexive disobeyed Principle A. On the other hand, this type of reflexive occasionally is known as a long distance reflexive. Mashudi and Solakhiah (1997) had analysed this form of *dirinya* in a generative framework. They have claimed that the ambiguous reading of this reflexive *dirinya* was caused by the existence of [+reflexive] and [+pronominal] features which is generated by the NP *dirinya* at S-structure. Even though, both of these language experts have argued very convincingly that the reason for the ambiguity of the NP *dirinya* was because of the different of features that existed on the NP but they didn't explain how two readings could have co-existed at the same level in the syntax. Their suggestions to have two readings to operate at the same level will not be able to reach the explanatory adequacy of a grammar. This analysis too will not be able to explain sentences like these: *Saya<sub>i</sub> percaya bahawa Salim<sub>j</sub> telah menembak dirinya<sub>i/j/k</sub>*. (I believe that Salim has shot himself) atau *Salim<sub>j</sub> percaya bahawa saya<sub>i</sub> telah menembak dirinya<sub>i/j/k</sub>*. (Salim believe that I have shot himself/myself). Therefore, this paper will try to fill the gaps. This analysis claims that the reasons for the ambiguity is due to the features [+3] and [+pronominal] on the enclitic '-nya' and the feature [+reflexive] on the form *diri* which operates at a different syntactic level. This means that the ambiguity reading on *dirinya* in a sentence is because at the D-structure the native speaker will have the pronominal reading and it continues to exist until the S-structure. At the S-structure, the speaker will have reflexive reading. The existence of two readings at different levels will cause *dirinya* to have an ambiguity reading. This analysis will be argued using the Binding Theory which controls the distribution of NP in a sentence.

*Keywords:* reflexive, syntax, binding theory, *dirinya*, *dirinya sendiri*, pronominal, features

## **Pengenalan**

Bahasa Melayu mempunyai dua bentuk refleksif iaitu *dirinya* dan *dirinya sendiri*. Kedua-dua bentuk refleksif ini tidak mempunyai distribusi yang sama di dalam ayat. Malah, refleksif *dirinya* sentiasa mempunyai bacaan yang taksa di dalam ayat. Ketaksaan ini lebih ketara apabila refleksif ini hadir dalam ayat majmuk. Pada umumnya, refleksif hanya boleh merujuk kepada anteseden terdekat yang berada dalam klausanya sahaja tetapi refleksif *dirinya* bukan sahaja boleh merujuk kepada anteseden dalam klausanya sahaja tetapi refleksif ini juga boleh merujuk kepada anteseden di luar klausanya. Sifat ini menyebabkan nominal *dirinya* mempunyai bacaan yang taksa dalam ayat yang dihadapinya. Malah sifat ini juga turut menyalahi prinsip umum ke atas refleksif iaitu Prinsip A dalam teori Kuasaan dan Tambatan. Oleh yang demikian, artikel ini akan cuba menghuraikan dan menganalisis bentuk *dirinya* berdasarkan Teori Kuasaan dan Tambatan.

## **TEORI TAMBATAN CHOMSKY (1986)**

Penutur asli sesuatu bahasa mengetahui namaan-namaan dalam bahasanya sama ada namaan itu mempunyai pewujudan fonetik ataupun tidak. Pakar tatabahasa generatif pula ingin mengetahui cara penutur jati ini mengawal dan memberikan interpretasi yang sesuai bagi suatu namaan itu. Namaan yang dimaksudkan ialah anafora, kata ganti diri dan kata nama penuh<sup>1</sup>. Ketiga-tiga namaan ini dikenali sebagai namaan ketara. Namun dalam karya generatif, namaan-namaan seperti anafora lebih dikhususkan kepada refleksif dan resiprokal, manakala kata ganti diri dirujuk sebagai pronominal (Chomsky 1986a; Haegeman 1994). Kedua-dua namaan ketara ini menerima rujukan yang dikenali sebagai anteseden tetapi cara kedua-duanya menerima anteseden itu adalah berbeza. Refleksif dan resiprokal tidak boleh berdikari dan sentiasa memerlukan anteseden dalam ayat yang sama. Pronominal pula boleh berdikari dalam suatu ayat tanpa anteseden tetapi sekiranya anteseden baginya wujud maka pronominal itu perlu berada di luar klausa ataupun ayat tersebut. Kata nama penuh pula tidak memerlukan apa-apa anteseden kerana kata nama ini perlu bebas.

Chomsky (1981) telah memperkenalkan Teori Tambatan yang kemudiannya disemak semula oleh beliau pada tahun 1986 dalam bukunya “Knowledge of language. Its nature, origin, and use”. Teori ini cuba menanggapi hal terutamanya berhubung dengan anteseden bagi anafora dan pronominal, dan cara kedua-dua kelompok namaan ini dikaitkan dengan antesedennya. Hubungan antara anteseden dan namaan ketara (anafora dan pronominal) ini diungkapkan dengan sistem koindeks. Teori ini pula mengenal pasti setiap jenis FN berpandukan penandaan fitur yang bersifat binari<sup>2</sup> (Chomsky 1986b:164):

- (1) a. anafora (Refleksif & Resiprokal) [+Anafora,-Pronominal]
- b. kata ganti diri (Pronominal) [-Anafora, +Pronominal]
- c. Kata Nama Penuh [- Anafora, -Pronominal]

Setiap namaan dalam (1) ini diinterpretasikan berdasarkan syarat tambatan masing-masing. Berikut ialah syarat-syarat tambatan:

- (2) Prinsip Tambatan (Chomsky, 1986b)
  - Prinsip A: Anafora tertambat dalam kategori naungannya.
  - Prinsip B: Pronominal bebas dalam kategori naungannya.
  - Prinsip C: Kata nama penuh bebas di mana-mana sahaja.

Sebelum menjelaskan cara prinsip-prinsip ini beroperasi beberapa istilah akan ditafsirkan bagi memudahkan perbincangan nanti. Dua istilah yang disebutkan dalam (2) ialah tambatan dan kategori naungan:

- (3) Kategori naungan ditafsirkan sebagai:
  - x ialah kategori naungan bagi y hanya apabila x merupakan kategori paling kecil mengandungi y, dan penaung (governor) bagi y, dan subjek bagi y, yang mana x = FN atau FFleksi (ayat).

Istilah dalam (3) menyatakan bahawa kategori naungan adalah terdiri daripada dua kriteria iaitu penaung dan subjek. Penaung boleh terdiri daripada nodus kata kerja, kata nama, kata adjektif dan kata preposisi. Subjek pula ialah kata nama yang menduduki nodus *spesifier* FFLEKSI.

Sementara Tambatan pula diberikan definisi seperti berikut:

- (4) Tambatan (Chomsky 1986b)  
A menambat B hanya apabila: (kedua-duanya)  
i. A memerintah-k B  
ii. A dan B berkoindeks

Perintah-konstituen (perintah k) ditakrifkan sebagai:

- (5) Perintah-k (Chomsky 1986b):

Nodus A memerintah-k nodus B hanya sekiranya A tidak menaungi B dan setiap X yang menaungi A juga menaungi B


Sebelum mengaplikasikan prinsip-prinsip ini beberapa istilah mengenai jenis anteseden akan dijelaskan dahulu. Anteseden yang boleh memerintah-k dalam kategori naungannya dikenali sebagai anteseden berperintah-k setempat. Anteseden yang boleh memerintah-k tetapi berada di luar kategori naungannya dikenali sebagai anteseden berperintah-k tak setempat. Anteseden yang tidak boleh memerintah-k tetapi berada dalam kategori naungannya dikenali sebagai anteseden tak berperintah-k setempat. Anteseden yang tidak boleh memerintah-k dan berada di luar kategori naungannya dikenali sebagai anteseden tak berperintah-k tak setempat. Setiap jenis anteseden ini akan lebih difahami kerana setiap perbincangan akan menggambarkan dan menjelaskan jenis-jenis anteseden tersebut.

Sebagai contoh, perhatikan refleksif *diri sendiri* dalam (6) yang dapat mematuhi Prinsip A:

- (6) Kamil<sub>i</sub> telah memukul [diri sendiri]<sub>i/\*j</sub>.

Bagi perbincangan mengenai Prinsip A ayat (6) ditandakan struktur (6a):

(6) a.




FN *diri sendiri* ialah refleksif (Asmah 1993; Mees 1969; Nik Safiah 1978). Justeru, FN ini mestilah terikat dalam kategori naungannya. Mengikut definisi dalam (3) kategori naungan terdiri daripada penaung dan subjek terdekat. Penaung bagi refleksif ini dalam struktur (6a) ialah kata kerja *memukul*, maka, kategori naungannya ialah keseluruhan ayat itu iaitu dikenali sebagai ayat matriks dan subjek terdekat dalam kategori naungannya ialah *Kamil*. Dari segi hubungannya dengan anteseden, refleksif *diri sendiri* berperintah-k dan berkoindeks dengan FN subjek '*Kamil*' dalam kategori naungannya. FN '*Kamil*' ialah anteseden berperingkat setempat. Oleh yang demikian, refleksif *diri sendiri* telah ditambah oleh antesedennya dalam kategori naungannya. FN *diri sendiri* telah mematuhi Prinsip A dan ayat tersebut ditandakan gramatis.

Kategori naungan bagi suatu refleksif adalah amat penting untuk diidentifikasi kerana ayat yang mengandungi suatu refleksif tidak semestinya ayat mudah seperti ayat (6). Refleksif juga boleh wujud dalam ayat yang kompleks seperti ayat (7):

(7) Ahmad<sub>i</sub> tahu bahawa [bapa Aminah<sub>k</sub>]<sub>j</sub> telah menipu [diri sendiri]<sub>i</sub>/\*j/\*k.

Bagi memudahkan perbincangan, ayat (7) ditandakan struktur (7a):

(7) a.



Ayat (7) sekarang terdiri daripada dua klausa iaitu klausa matriks *Ahmad tahu* dan klausa komplement *bahawa bapa Aminah telah menipu diri sendiri*. Kita sudah sedia maklum bahawa refleksif mesti terikat dalam kategori naungannya yang terdiri daripada penaung dan subjek terdekat. Penaung bagi refleksif *diri sendiri* ialah kata kerja *menipu*. Dalam struktur (7a), terdapat dua FN yang mempunyai potensi untuk menjadi anteseden bagi refleksif tersebut iaitu FN *Ahmad* dan FN *bapa Aminah*. Sebaliknya, kriteria untuk menjadi subjek bukan sahaja memerlukan subjek menduduki posisi Spes FFLEKSI tetapi juga perlu berada paling dekat dengan refleksif tersebut. Jika diperhatikan struktur (7a), FN *Ahmad* bukanlah anteseden setempat meskipun FN tersebut memerintah-k *diri sendiri*. FN '*Ahmad*' ialah anteseden berperintah-k tak setempat. Sebaliknya, hanya FN *bapa Aminah* merupakan anteseden setempat yang memerintah-k dan berkoindeks dengan refleksif *diri sendiri*. Oleh yang demikian, FN *bapa Aminah* ialah subjek yang berpotensi untuk menjadi anteseden bagi refleksif *diri sendiri*. Ini menjelaskan bahawa ayat komplement merupakan kategori naungan bagi refleksif *diri sendiri*. Justeru, refleksif


*diri sendiri* ditambat oleh antesedennya iaitu FN *bapa Aminah*. FN *bapa Aminah* dan refleksif juga mempunyai indeks yang sama. Sehubungan dengan itu, ayat (7) ditandakan gramatis oleh Prinsip A.

FN yang seterusnya ialah pronominal. Pronominal ini dikawal interpretasinya oleh Prinsip B. Prinsip B ini menyatakan bahawa anteseden yang diterima oleh pronominal ialah anteseden yang berperintah-k tak setempat dan anteseden tak berperintah-k sama ada yang setempat dan tak setempat. Oleh itu, pronominal mestilah bebas dalam kategori naungannya. Dalam erti kata lain, pronominal tidak boleh menambat antesedennya dalam kategori naungannya. Sila lihat contoh berikut:

- (8) Zaini<sub>i</sub> tahu bahawa [bapa Farid<sub>j</sub>]<sub>k</sub> telah mencederakan dia<sub>i/j/\*k/l</sub>.
- (9) Zaini<sub>i</sub> tahu bahawa dia<sub>\*j/\*k/l/i</sub> telah mencederakan [bapa Farid<sub>j</sub>]<sub>k</sub>.

Kedua-dua ayat ini akan ditandakan struktur masing-masing (8a) dan (9a):

(8) a.






Struktur (8a) menggambarkan bahawa penaung bagi pronominal FN *dia* ialah kata kerja *mencederakan* kerana kata kerja ini boleh memerintah-k FN *dia*. Ini menandakan bahawa klausa komplemen ialah kategori naungan bagi FN *dia*. Antecedent bagi FN *dia* dapat dikenal pasti melalui indeksinya. Antecedent-antecedent tersebut ialah FN *Farid*, FN *Zaini* dan *orang lain*<sup>3</sup>. Menurut Prinsip B, pronominal mesti bebas dalam kategori naungannya iaitu FN *dia* tidak boleh mempunyai antecedent berperintah-k setempat. FN *dia* dapat memenuhi Prinsip B kerana antecedent-antecedent seperti FN *Farid* ialah antecedent tak berperintah-k setempat, FN *Zaini* ialah antecedent berperintah-k tak setempat, dan *orang lain* ialah antecedent tak berperintah-k tak setempat. Antecedent-antecedent tersebut ditandakan dengan indeks yang sama dengan pronominal *dia*. Oleh yang demikian, FN *bapa Farid* tidak boleh menjadi antecedent untuk pronominal *dia* kerana FN ini ialah antecedent berperintah-k setempat.

Ayat (9) pula ditandakan struktur (9a):

(9) a.



Struktur (9a) menggambarkan bahawa FN *dia* sudah menduduki posisi subjek dalam klausa komplemen. Maka sudah tidak ada keperluan untuk mencari kategori naungan lagi. Kedudukan FN *dia* pada posisi FN FFLEKSI' telah menghadkan kategori naungannya. Kategori naungan bagi FN *dia* ialah klausa komplemen. Walaupun begitu, FN *dia* tetap dapat memenuhi Prinsip B kerana tidak terdapat anteseden setempat yang memerintah-k FN *dia*. Malah FN *Zaini* yang mempunyai indeks yang sama ialah anteseden berperintah-k tak setempat manakala FN *bapa Farid* tidak memerintah-k FN *dia*.

Satu kesimpulan yang boleh dicapai daripada kedua-dua prinsip ini ialah refleksif mestilah tertambat di dalam kategori naungannya iaitu refleksif hanya mempunyai anteseden yang berperintah-k setempat sahaja tetapi pronominal mestilah bebas di dalam kategori naungannya iaitu pronominal boleh mempunyai anteseden yang tak berperintah-k setempat iaitu dalam kategori naungan dan anteseden tak berperintah-k tak setempat atau anteseden berperintah-k tak setempat iaitu di luar kategori naungannya.

### **NAMAAN DIRI+NYA DALAM BAHASA MELAYU**

Bahasa Melayu mempunyai empat bentuk namaan iaitu *diri sendiri*, *dirinya sendiri*, *diri* dan *dirinya*. Bentuk ini boleh wujud dalam ayat yang mudah seperti dalam (10a – 13a) dan juga dalam ayat majmuk seperti dalam (10b – 13b):

- (10) a. Ali<sub>i</sub> memarahi [diri sendiri]<sub>i/\*k</sub>.  
b. Ahmad<sub>j</sub> tahu Ali<sub>i</sub> memarahi [diri sendiri]<sub>i/\*j/\*k</sub>.
- (11) a. Ali<sub>i</sub> menembak [dirinya sendiri]<sub>i/\*k</sub>.  
b. Ahmad<sub>j</sub> tahu Ali<sub>i</sub> menembak [dirinya sendiri]<sub>i/\*j/\*k</sub>.
- (12) a. Along<sub>i</sub> membunuh diri<sub>i/\*k</sub>.  
b. Azu<sub>j</sub> tahu bahawa Along<sub>i</sub> membunuh diri<sub>i/\*j/\*k</sub>.
- (13) a. Abu<sub>i</sub> menembak dirinya<sub>i/\*k</sub>.  
b. Mariam<sub>j</sub> tahu bahawa Abu<sub>i</sub> menembak dirinya<sub>i/j/\*k</sub>.

Keempat-empat namaan tersebut telah dikenal pasti sebagai refleksif (Fazal Mohamed B. Mohamed Sultan, 2005; Mashudi Kader & Solakhiah Januri, 1997). Kehadiran refleksif *dirinya* pada ayat (13b) sahaja mempunyai bacaan yang taksa. Perkara ini boleh dilihat pada penandaan indeks 'i' dan 'j' yang berbeza pada ayat (13b). Indeks 'j' itu menggambarkan bahawa bentuk *dirinya* boleh mempunyai rujukan di luar domain iaitu

FN Mariam. Ini menyalahi Prinsip A. Walaupun begitu, ayat ini tidak ditanda sebagai ayat yang nirpurna bentuknya oleh Prinsip A atau Prinsip B.

Mashudi dan Solakhiah (1997) telah mengkaji bentuk *dirinya* dalam kerangka teoritis tatabahasa generatif. Mereka mendakwa bahawa bacaan yang taksa oleh refleksif *dirinya* disebabkan oleh kehadiran fitur [+refleksif] dan [+pronominal] yang dijana oleh *dirinya* pada struktur-L. Mereka mendakwa bahawa fitur-fitur ini menyebabkan Prinsip A dan Prinsip B dapat dipenuhi pada struktur-L. Walaupun kedua-dua ahli bahasa ini dapat membahaskan dengan baik bahawa bentuk *dirinya* mempunyai bacaan yang taksa kerana fiturnya yang berbeza tetapi mereka tidak menjelaskan cara dua bacaan yang berbeza boleh beroperasi pada satu aras yang sama iaitu struktur-L pada masa yang sama. Cadangan yang membiarkan dua bacaan beroperasi pada masa yang sama ke atas *dirinya* tidak boleh mencapai kepadaan ekplanatori. Analisis ini juga tidak boleh menjelaskan ayat:

- (14) Saya<sub>i</sub> percaya bahawa Salim<sub>j</sub> telah menembak *dirinya*\*<sub>i/j</sub>.  
 (15) Salim<sub>j</sub> percaya bahawa saya<sub>i</sub> telah menembak *dirinya*\*<sub>i/j</sub>.

Refleksif *dirinya* dalam (14) pula tidak membawa apa-apa bacaan yang taksa seperti dalam (13b). Malah ayat (14) mematuhi Prinsip A tetapi refleksif *dirinya* dalam (15) mennggambarkan bahawa refleksif *dirinya* hanya memilih FN *Salim* sebagai antesedennya walaupun anteseden itu berada di klausa utama iaitu di luar domain tambatannya. Ini melanggar Prinsip A. Walaupun begitu, ayat ini tidak taksa dan tidak pula ditanda sebagai tidak gramatis oleh Prinsip A. Oleh yang demikian, kajian dalam bahagian ini perlu menjelaskan perbezaan yang wujud pada ayat (13) hingga ayat (15) serta memberikan penjelasan yang boleh mencapai kepadaan eksplanatori untuk bentuk *dirinya*.

### **ANALISIS SINTAKSIS DIRINYA**

Kajian ke atas bentuk *dirinya* telah mendapati bahawa *dirinya* terdiri daripada dua bentuk iaitu namaan '*diri*' dan enklitik '*-nya*' (Fazal Mohamed B. Mohamed Sultan, 2005). Kajian tersebut telah mendakwa bahawa bentuk '*-nya*' memenuhi Prinsip B pada

struktur-D manakala bentuk *dirinya* memenuhi Prinsip A pada struktur-L. Perkara ini dapat diperjelaskan dengan menggunakan ayat-ayat di bawah ini:

- (16) Ali<sub>j</sub> menembaknya<sub>i/\*j</sub>.
- (17) Ali<sub>i</sub> menembak dirinya<sub>i/\*k</sub>.
- (18) Ahmad<sub>i</sub> tahu bahawa Ali<sub>j</sub> menembaknya<sub>i/\*j/k</sub>.
- (19) Ahmad<sub>i</sub> tahu bahawa Ali<sub>j</sub> menembak dirinya<sub>i/j/\*k</sub>.

Kajian itu telah mendakwa bahawa enklitik ‘-nya’ di dalam ayat (16) menduduki posisi komplemen yang disubkategorisasikan oleh K *menembak* pada struktur-D. Kedudukan tersebut telah membolehkan K *menembak* menjadi penaung untuk enklitik ‘-nya’ kerana K sebagai kepala boleh memerintah-k KL ‘-nya’<sup>4</sup>. Ini menandakan bahawa seluruh ayat itu ialah kategori naungan bagi enklitik ‘-nya’ tersebut. FN subjek *Ali* tidak mempunyai indeks yang sama dengan enklitik tersebut. Ini menandakan enklitik ini bebas di dalam kategori naungannya. Maka enklitik ‘-nya’ memenuhi Prinsip B. Oleh yang demikian, kajian tersebut dapat mendakwa bahawa enklitik ‘-nya’ dapat memenuhi Prinsip B pada struktur-D<sup>5</sup>. Sebaliknya, ayat (17) yang mempunyai bentuk *dirinya* telah dianalisis dan didakwa sebagai refleksif yang memenuhi Prinsip A pada struktur-L dalam bahagian di atas. Analisis ini telah diaplikasikan untuk menjelaskan bacaan yang taksa pada ayat (19). Walaupun begitu, analisis itu tidak menyatakan motivasi untuk menyokong dakwaan bahawa bentuk *dirinya* itu memenuhi Prinsip A hanya pada struktur-L sahaja. Kertas ini akan cuba menyungkil semula analisis ini untuk memperkukuhkannya. Dakwaan ini berbeza daripada dakwaan Mashudi & Januri (1997) yang mendakwa bahawa kedua-dua Prinsip A dan B dipenuhi pada aras yang sama oleh bentuk *dirinya*.


### **ANALISIS SEMULA DIRI+NYA**

Pada umumnya, indeks pada enklitik ‘-nya’ dalam ayat (16) menggambarkan bahawa enklitik ini memenuhi Prinsip B. Walaupun begitu, apabila bentuk ‘*diri*’ dan ‘-nya’ digabungkan, bentuk ini menjadi refleksif dalam ayat (17). Oleh yang demikian, analisis ini mendakwa bahawa bentuk *dirinya* ialah separa refleksif yang memenuhi Prinsip A pada struktur-L. Bentuk *dirinya* ini akan dikenali sebagai separa refleksif. Sebagai contoh, dalam ayat (19), bentuk ini bukan sahaja mempunyai anteseden berperintah-k setempat iaitu FN *Ali* tetapi bentuk ini juga mempunyai anteseden berperintah-k tak

setempat FN *Ahmad* iaitu anteseden yang tidak mematuhi Prinsip A. Ini menjadi penyebab utama kepada bacaan yang taksa pada ayat (19).


Analisis ini akan mendakwa dan membahaskan bahawa bacaan yang taksa adalah disebabkan oleh fitur [+3] pada enklitik ‘-nya’ dan bentuk *diri*. Dakwaan ini akan dibahaskan dengan menggunakan Teori Tambatan yang mengawal penyebaran FN dalam suatu ayat. Satu sifat fitur ialah fitur boleh diperkolatkan. Maka fitur [+3] pada KL ‘-nya’ juga boleh diperkolatkan pada nodus yang bersebelahan. Satu cadangan ialah N *dirinya* ditandakan struktur seperti di bawah:

(20)



Akhirnya fitur [+3] diperkolatkan pada kesemua N . Proses perkolatasi ini menyebabkan N yang menanungi *dirinya* mempunyai kesemua indeks *i/j* tersebut. Ini juga membuktikan bahawa refleksif ini bukan terdiri daripada enklitik ‘-nya’ sahaja tetapi termasuk N *diri*. Bagi memudahkan penjelasan cara Prinsip A dipenuhi maka ayat (19) ditandakan struktur seperti di bawah:


(21)



Indeks pada struktur (21) menunjukkan bahawa enklitik '-nya' mempunyai anteseden berperintah-k setempat 'j' dan anteseden berperintah-k tak setempat 'i'. Ayat (19) terdiri daripada dua klausa iaitu klausa matriks dan klausa komplemen. Klausa komplemen terdiri daripada klausa 'bahawa Ali menembak dirinya'. Klausa ini tidak mempunyai masalah untuk mematuhi Prinsip A. Prinsip A dipenuhi dengan mudah oleh refleksif *dirinya*. FN yang mempunyai refleksif N *dirinya* di dalam strukturnya mempunyai penguasa iaitu K 'menembak'. Ini menyebabkan klausa komplemen menjadi domain setempat bagi enklitik ini. Di dalam domain ini juga terdapat subjek FN *Ali* yang memerintah-k N *dirinya* dan mempunyai indeks 'j' yang sama dengan refleksif *dirinya*. Justeru, Prinsip A telah dipenuhi.

Perkara yang perlu dijelaskan ialah indeks 'i' yang sama dengan subjek *Ahmad* yang wujud di dalam klausa utama. Dalam struktur (21), perbincangan mengenainya sudah menjelaskan bahawa nodus N yang menaungi N *diri* dan KL '-nya' turut mempunyai fitur [+3] juga. Ini menjadikan keseluruhan N *dirinya* mempunyai fitur yang sama.

Setiap klausa pula mempunyai nodus fleksi. Menurut Chomsky (1981), nodus FLEKSI mempunyai fitur jantina dan nombor. Ini bermakna apa-apa nodus kepala yang mempunyai fitur yang sama boleh bergerak ke posisi ini<sup>6</sup>. Ini bermakna separa refleksif N *dirinya* memenuhi Prinsip A pada Struktur-L dengan cara pergerakan dari nodus FLEKSI di dalam klausa komplen ke nodus FLEKSI di klausa bebas seperti di bawah:



Struktur (22) menunjukkan pergerakan N *dirinya* pada struktur-L untuk memenuhi Prinsip A. Refleksif ini pada mulanya bergerak ke posisi FLEKSI di dalam klausa komplemen, kemudian ke posisi FLEKSI pada klausa utama. Pergerakan ini adalah bermotivasikan kepada pemeriksaan fitur ‘feature checking’. Posisi [SPEK FN] diduduki oleh FN yang juga mempunyai fitur [+3], maka nodus FLEKSI juga mempunyai fitur [+3]. Ini bermakna N *dirinya* berhenti pada posisi itu dapat memeriksa fiturnya. Pada kedudukan kedua N *dirinya* berada di dalam klausa utama. Pada posisi ini, N ‘*dirinya*’ berada dalam klausa utama pada struktur-L. Maka seluruh ayat menjadi kategori naungannya. Subjek terdekat dalam kategori naungannya ialah FN *Ahmad*. Oleh yang demikian, N *dirinya* dapat memenuhi Prinsip A pada struktur-L. Maka kebolehan mempunyai dua prinsip pada aras yang berbeza menyebabkan ayat ini taksa.

Kekangan Pergerakan Kepala (Travis, 1984) juga dapat ditangani. Kekangan ini tidak memainkan peranan kerana pergerakan ke nodus FLEKSI dimotivasikan oleh kewujudan [+3] pada nodus tersebut melalui keserasian di antara FN pada [SPEK FN] dan nodus FLEKSI tersebut. Justeru, pergerakannya yang melewati nodus kepala KOMP tidak dianggap sebagai satu kesalahan kerana nodus tersebut tidak mempunyai keserasian dengan nodus yang sedang bergerak.

Keserasian ini memainkan peranan penting. Bukti bahawa keserasian memainkan peranan yang penting wujud pada ayat (23) dan ayat (24):

- (23) Saya<sub>i</sub> percaya bahawa Salim<sub>j</sub> telah menembak dirinya<sub>a\*i/j</sub>.  
 (24) Salim<sub>j</sub> percaya bahawa saya<sub>i</sub> telah menembak dirinya<sub>a\*i/j</sub>.

Ayat (23) menunjukkan bahawa refleksif N *dirinya* tidak akan bergerak ke klausa utama pada Struktur-L untuk memenuhi Prinsip A kerana tidak wujud fitur [+3] pada nodus [SPEK FN] dalam klausa utama. Nodus FLEKSI dalam klausa utama hanya mempunyai fitur [+1] sahaja. Perbezaan fitur di antara nodus N dan nodus FLEKSI pada klausa utama menjadi sebab utama pergerakan ini tidak berlaku. Keadaan ini menyebabkan indeks *i* ditandakan tidak gramatis dengan betul oleh prinsip A. Ini bermakna Prinsip A juga dapat dipenuhi pada klausa bawah sahaja pada struktur-L. Sebaliknya dalam ayat (24), perkara yang sebaliknya berlaku. N *dirinya* dapat bergerak mencari anteseden terus ke posisi



FLEKSI dalam klausa utama kerana wujudnya keserasian fitur di antara N *dirinya* dengan FN subjek ayat tersebut. Selepas pergerakan N *dirinya* dapat memenuhi Prinsip A tanpa apa-apa masalah.

## KESIMPULAN

Artikel ini telah membahaskan satu namaan iaitu *dirinya*. Kehadiran bentuk ini di dalam ayat majmuk selalu menyebabkan ayat itu taksa. Bentuk ini telah dikenali sebagai separa reflektif kerana separa reflektif turut memilih FN yang di luar domain tambatannya sebagai antesedennya. Ini telah menyebabkan ketaksaan pada bacaan sesuatu ayat majmuk yang dihadiri oleh separa reflektif *dirinya*. Analisis ini telah mendakwa bahawa ketaksaan ini adalah disebabkan bentuk *dirinya* yang memenuhi Prinsip A pada struktur-L sahaja. Walaupun begitu, Prinsip A dipenuhi oleh *dirinya* kerana bermotivasikan fitur [+3] yang telah diperkolatkan. Fitur ini memastikan bahawa hanya anteseden yang berfitur [+3] sahaja memenuhi Prinsip A. Oleh yang demikian, anteseden bagi separa reflektif *dirinya* ini boleh terdiri daripada subjek dalam klausa komplemen dan juga subjek di dalam klausa utama.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. 1993. *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chomsky, N. 1981. *Lectures on government and binding*. Dordrecht: Foris Publications.
- Chomsky, N. 1986a. *Barriers*. Cambridge, Mass. : MIT Press.
- Chomsky, N. 1986b. *Knowledge of language. Its nature, origin, and use*. New York: Praeger.
- Fazal Mohamed B. Mohamed Sultan. 2005. Analisis sintaksis ke atas enklitik '-nya' dalam bahasa Melayu. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fazal Mohamed Bin Mohamed Sultan. 2006. Pengklitikan enklitik '-nya' pada kata kerja: aplikasi teori kuasa dan tatanan (chomsky, 1986). *Jurnal bahasa*. 6 (3) : 363 – 384.

Haegeman, L. 1994. *Introduction to Government and Binding Theory*. Ed. ke-2. Oxford: Blackwell.

Mashudi Kader & Solakhiah Januri. 1997. Pronomina dia, diri, -nya, dirinya dan dirinya sendiri. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Linguistik Ke-3. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 18-19 November.

Mees, C. A. 1969. *Tatabahasa dan tatakalimat*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Nik Safiah Karim. 1978. *Bahasa Malaysia syntax: Some aspects of its standardisation*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Travis, L. D. 1984. Parameters and effects of word order variation. Tesis Dr. Fal. Massachusetts Institute of Technology.

---

<sup>1</sup> Kata nama penuh tidak akan dibincangkan kerana kata nama penuh tidak termasuk dalam skop perbincangan dalam artikel ini. Justeru, artikel ini akan menyebutnya apabila perlu.

<sup>2</sup> Saya akan mengabaikan fitur [+Anafora, +Pronominal] iaitu fitur untuk PRO kerana PRO tidak dibincangkan dalam artikel ini.

<sup>3</sup> Orang lain bermakna FN *dia* boleh merujuk kepada sesiapa sahaja atau entiti di luar konteks ayat tersebut.

<sup>4</sup> Kajian Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2005) telah mendakwa bahawa '-nya' ialah satu entiti yang dikenali sebagai klitik. Klitik ini juga diandaikan memiliki nodus kepala yang dikenali sebagai nodus KL.

<sup>5</sup> Pembaca perlu diingatkan bahawa hanya enklitik '-nya' sahaja yang memenuhi Prinsip B pada struktur-D. Analisis ini tidak beraplikasi pada FN penuhnya iaitu *dia*. FN *dia* mematuhi Prinsip B pada struktur-L seperti biasa.

<sup>6</sup> Perbincangan yang sama telah diaplikasikan pada pergerakan kata soal 'wh' ke posisi [SPEK FK]. Menurut Chomsky (1981), kata soal mempunyai fitur [+Q] pada posisinya asalnya dan kata soal ini bergerak ke [SPEK FN] kerana wujudnya juga fitur yang sama pada posisi tersebut dan sifat ini menyebabkan kata soal pada bahasa tertentu tidak bersifat in-situ. Pandangan ini boleh diaplikasikan pada N *dirinya*.

Fazal Mohamed Bin Mohamed Sultan  
Program Linguistik  
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor

*Emel: fazal@ukm.my*